

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah (bilangan) Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di seluruh negeri Pulau Pinang mengikut Parlimen dan perincikan ukuran kejayaan pelaksanaan program ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga kini, sebanyak **162** buah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah beroperasi di seluruh Negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3 buah KR1M adalah terletak di Pulau Pinang iaitu di kawasan Parlimen Bagan, Tasek Gelugor dan Bukit Mertajam. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan masih dalam proses untuk mengenal pasti lokasi-lokasi yang bersesuaian di kawasan-kawasan Parlimen yang lain di Pulau Pinang agar sasaran Kerajaan untuk mewujudkan sekurang-kurangnya sebuah KR1M di setiap kawasan Parlimen akan tercapai.

Berkenaan dengan kejayaan KR1M pula, purata jualan sehari bagi setiap KR1M adalah sebanyak **RM4,368.85**. Jumlah ini menunjukkan sokongan rakyat yang positif terhadap inisiatif KR1M ini. Walau bagaimanapun, kejayaan KR1M tidak dapat diukur menerusi jumlah jualan semata-mata. Perkara yang lebih penting ialah kewujudan KR1M di setiap kawasan Parlimen memberikan gambaran kepada rakyat bahawa Kerajaan benar-benar serius untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Penubuhan KR1M ini juga secara tidak langsung akan membantu menstabilkan harga barang keperluan harian di pasaran.

SOALAN (472)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilangan rumah yang telah siap dan sedang dibina di setiap negeri di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) setakat ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 168 projek (102,465 unit) di seluruh Negara sedang diuruskan. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **LAMPIRAN A**

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015

LAMPIRAN A

STATISTIK PROJEK PPR SEHINGGA 16 FEBRUARI 2015

S/N	NAMA Negeri	PROJEK DILAKUKAN		PROJEK DALAM PEMERINAHAN		PROJEK DILAKUKAN DI PERINGKAT DAERAH		PROJEK DILAKUKAN DI PERINGKAT KAWALAN	
		PROJEK	DILAKUKAN	NAMA	NIL. PROJEK	PROJEK	AKTIVITI	DILAKUKAN	PROJEK
1	PERLIS	3	1,428			1	400	4	1,828
2	KEDAH	2	1,894	2	812	2	1,030	6	3,736
3	PULAU PINANG	2	698	1	231	1	70	4	999
4	PERAK	7	915	0	0	2	420	9	1,335
5	PAHANG	26	3,552	1	120	8	1,400	35	5,072
6	KELANTAN	1	1,000	1	1,000	4	1,800	6	3,800
7	SELANGOR	4	5,184	0	0	0	0	4	5,184
8	TERENGGANU	1	1,002	0	0	0	0	1	1,002
9	MELAKA	1	336	2	1,100	2	500	5	1,936
10	NEGERI SEMBILAN	2	570	0	0	2	200	4	770
11	JOHOR	8	8,278	0	0	6	4,050	14	12,328
12	SABAH	18	14,556	9	4,935	9	4,838	36	24,329
13	SARAWAK	5	3,016	1	500	6	1,268	12	4,784
14	WPKL	25	32,762	2	2,100	0	0	27	34,862
15	WP LABUAN	0	0	0	0	1	500	1	500